

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

## Bukan dijangkiti MERS-CoV

ALOR SETAR - Jabatan Kesihatan Negeri Kedah menafikan seorang jemaah Malaysia yang meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini semalam disebabkan Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV).

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, siasatan mendapati jemaah yang berasal dari Pokok Sena itu dikesan menghidap penyakit diabetes dan darah tinggi ketika menerima rawatan.

"Arwah ke Makkah pada 30 November sehingga 10 Disember lalu bersama isterinya. Arwah tidak sihat sejak 5 Disember lalu semasa berada di Tanah Suci.

"Pada 7 Disember, arwah mula demam, sakit tekak dan batuk, namun tiada sejarah pendedahan kepada unta," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Norhizan berkata, lelaki berkenaan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 6 petang Selasa lalu sebelum bertolak ke Alor Setar dengan menaiki bas.



**Arwah tidak sihat sejak 5 Disember lalu semasa berada di Tanah Suci."**

- Dr Norhizan

"Arwah dibawa ke Jabatan Kecemasan HSB keesokan harinya dan terus menerima rawatan di Zon Merah pada jam 10 pagi Rabu lalu," katanya.

Menurutnya, lelaki berkenaan dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) HSB tetapi meninggal dunia disebabkan pneumonia atau jangkitan paru-paru.

"Ujian bagi MERS-CoV adalah negatif dan kes berkenaan disahkan bukan kes MERS-CoV," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 44  
RUANGAN : WAWANCARA SINAR

## RM4.5 bilion untuk ubat pada 2020



**SHAH ALAM** - Peruntukan Kementerian Kesihatan sebanyak RM30.6 bilion pada 2020 menjadikan sektor itu yang ketiga terpenting selepas sektor pendidikan dan kewangan.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, daripada jumlah itu, perbelanjaan untuk ubat bagi sektor kerajaan dan swasta pada 2020 dijangka sebanyak RM4.5 bilion.

“Maknanya, sektor kesihatan adalah nombor tiga yang terpenting, yang per-

tama adalah pendidikan sebanyak RM64.1 bilion dan sektor kewangan pula sebanyak RM37.8 bilion.

“Saya dimaklumkan dari segi ubat-ubatan, bajet yang diberikan oleh kerajaan kepada Kementerian Kesihatan kira-kira RM2.2 bilion hingga RM2.3 bilion dan jika kita lihat keseluruhan penggunaan ubat yang diberikan di negara ini termasuk sektor swasta akan ada lagi sebanyak RM2.2 bilion.

“Maknanya, perbelanjaan ubat untuk sektor kerajaan dan swasta sebanyak RM4.5 bilion,” katanya.